



**KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

**PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OGOS 2023 DAN TEMPOH  
JANUARI-OGOS 2023#**

***Lebihan Dagangan yang ke-40 Bulan Berturut-turut***

Malaysia mencatatkan lebihan dagangan yang ke-40 bulan berturut-turut pada Ogos 2023, meningkat 0.1% tahun ke tahun kepada RM17.31 bilion. Jumlah perdagangan menyusut 19.8% kepada RM213.01 bilion berikutan permintaan global yang perlahan dan harga komoditi yang lebih rendah. Eksport menyusut 18.6% kepada RM115.16 bilion dan import menurun sebanyak 21.2% kepada RM97.85 bilion. Prestasi ini seiring dengan rakan dagang utama Malaysia yang lain seperti Republik Korea (ROK), China, Taiwan dan Indonesia di mana masing-masing merekodkan pertumbuhan perdagangan negatif pada Ogos 2023 serta penyusutan dalam import global.

Berbanding Julai 2023, perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menguncup sebanyak 1.5%, 1.4%, 1.6% dan 0.3%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2023, perdagangan mengurang sebanyak 8.1% kepada RM1.718 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Eksport menguncup 7.6% kepada RM935.22 bilion, import menyusut 8.6% kepada RM782.29 bilion dan lebihan dagangan turun 2% kepada RM152.92 bilion.

## **Prestasi Eksport Sektor Utama**

### ***Barangan Perkilangan Menyumbang 85.4% kepada Jumlah Eksport***

Pada Ogos 2023, eksport barang perkilangan yang merangkumi 85.4% atau RM98.36 bilion daripada jumlah eksport menurun sebanyak 17.7% tahun ke tahun berikutan pengurangan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum serta barangan perkilangan berasaskan minyak sawit. Sementara itu, pertumbuhan eksport dicatatkan bagi barangan kertas dan palpa serta barangan makanan diproses.

Eksport hasil galian (7.3% syer) menyusut 23.1% tahun ke tahun kepada RM8.46 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah.

Eksport keluaran pertanian (6.6% syer) menyusut 27.1% kepada RM7.61 bilion berbanding Ogos 2022 disebabkan oleh eksport yang rendah bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit kesan daripada penurunan ketara harga eksport minyak sawit.

### **Barangan eksport utama pada Ogos 2023:**

- Barangan E&E, bernilai RM43.38 bilion dan merangkumi 37.7% daripada jumlah eksport, menyusut 15.3% berbanding Ogos 2022;
- Keluaran petroleum, RM12.44 bilion, 10.8% daripada jumlah eksport, ↓38.6%;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.99 bilion, 5.2% daripada jumlah eksport, ↓10%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM5.56 bilion, 4.8% daripada jumlah eksport, ↓31.9%; dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM5.06 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, ↓9.9%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing mengembang sebanyak 15.3% dan 0.7% manakala eksport barangan perkilangan menurun 3%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2023, eksport barang perkilangan menguncup 5.9% kepada RM800.62 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022 berikutan pengurangan eksport barang perkilangan berasaskan minyak sawit, barang perkilangan logam dan keluaran getah. Walau bagaimanapun, eksport yang kukuh bagi barang kertas dan palpa, barang makanan diproses serta barang E&E telah mengimbangi kesan penurunan ini.

Eksport hasil galian turun sebanyak 9.1% kepada RM68.27 bilion berikutan eksport yang lebih rendah direkodkan bagi petroleum mentah, LNG serta petroleum kondensat dan minyak petroleum lain.

Eksport keluaran pertanian jatuh 25.8% kepada RM60.81 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit berikutan penyusutan harga eksport minyak sawit.

### **Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama**

#### ***ASEAN – Merangkumi 27.9% daripada Jumlah Perdagangan***

Pada Ogos 2023, perdagangan dengan ASEAN merangkumi 27.9% atau RM59.46 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia, menurun sebanyak 16.3% tahun ke tahun. Eksport mengurang 20.6% kepada RM33.48 bilion berikutan penurunan eksport keluaran petroleum dan barang E&E. Sementara itu, kenaikan eksport telah direkodkan bagi jentera, kelengkapan dan peralatan serta LNG. Import dari ASEAN menyusut 9.9% kepada RM25.98 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM16.81 bilion, menyusut 19.3%;
- Thailand RM4.53 bilion, ↓22.3%;
- Viet Nam RM4.35 bilion, ↑23.4%;
- Indonesia RM4.00 bilion, ↓40.3%;
- Filipina RM2.98 bilion, ↑12.6%;
- Brunei RM426.0 juta, ↓46.0%;
- Myanmar RM204.8 juta, ↓85.3%;

- Kemboja RM168.0 juta, ↓59.9%; dan
- Lao PDR RM17.0 juta, ↓66.6%.

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan pertumbuhan dua digit adalah **Viet Nam** yang meningkat sebanyak RM825.7 juta dan **Filipina**, naik sebanyak RM333.8 juta, masing-masing disokong oleh pertambahan eksport keluaran petroleum.

Berbanding Julai 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut sebanyak 2.3%, 3.2% dan 1.1%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2023, perdagangan dengan ASEAN menyusut 7.5% kepada RM475.32 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport menurun sebanyak 6.3% kepada RM278.73 bilion disebabkan oleh eksport kimia dan bahan kimia, keluaran petroleum serta minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit yang lebih rendah. Penyusutan ini walau bagaimanapun telah diimbangi oleh kenaikan eksport barang galian bukan logam serta barang kemas. Import dari ASEAN menguncup 9.1% kepada RM196.59 bilion.

### ***China – Perdagangan yang Lebih Rendah pada Ogos 2023***

Pada Ogos 2023, perdagangan dengan China yang menyerap 16.7% atau RM35.65 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia mengurang sebanyak 18.7% tahun ke tahun. Eksport ke China jatuh 20.3% kepada RM14.72 bilion berikutan penurunan eksport barang E&E dan LNG. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport telah direkodkan bagi barang kertas dan palpa serta keluaran petroleum. Import dari China menguncup 17.5% kepada RM20.94 bilion.

Berbanding Julai 2023, import mengembang sebanyak 2.8% manakala perdagangan dan eksport masing-masing mengurang sebanyak 4.1% dan 12.4%.

Perdagangan dengan China pada lapan bulan pertama tahun 2023 turun sebanyak 8.7% kepada RM288.51 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport jatuh 8.6% kepada RM123.6 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport barang

besi dan keluli, barang E&E serta minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit. Meskipun mencatatkan penyusutan jumlah eksport, kenaikan eksport telah direkodkan bagi barang kertas dan palpa serta bijih logam dan serpihan logam. Import dari China menurun sebanyak 8.7% kepada RM164.9 bilion.

### ***AS – Serap 9.7% daripada Jumlah Eksport***

Perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) pada Ogos 2023 yang merangkumi 9.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia mengurang 15.7% tahun ke tahun kepada RM20.68 bilion. Eksport menyusut sebanyak 9.7% kepada RM13.52 bilion berikutan permintaan yang lebih rendah bagi barang E&E dan keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, pertambahan eksport telah dicatatkan bagi barang besi dan keluli serta kimia dan bahan kimia. Import dari AS menurun 25.1% kepada RM7.16 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 2.7%, 0.5% dan 6.7%.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2023, perdagangan dengan AS menyusut 6.8% kepada RM160.29 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport menyusut 2.7% kepada RM104.66 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport barang kayu, keluaran getah serta barang besi dan keluli. Walau bagaimanapun, kenaikan eksport telah direkodkan khasnya bagi barang E&E. Import dari AS menurun sebanyak 13.8% kepada RM55.62 bilion.

### ***EU – Eksport Barang E&E Kekal Kukuh***

Pada Ogos 2023, perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) menyumbang 8.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia, menokok 0.6% tahun ke tahun kepada RM17.49 bilion. Eksport mengurang sebanyak 4.6% kepada RM9.57 bilion disebabkan oleh penyusutan eksport keluaran petroleum, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Sementara itu, pertumbuhan eksport telah dicatatkan bagi barang E&E serta barang besi dan keluli. Import dari EU meningkat 7.7% kepada RM7.92 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 92.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU adalah:

- Belanda RM3.22 bilion, meningkat 5.7%;
- Jerman RM2.48 bilion, ↓1.9%;
- Belgium RM807.7 juta, ↑4.0%;
- Itali RM596.6 juta, ↓4.7%;
- Sepanyol RM529.4 juta, ↑50.9%;
- Perancis RM520.4 juta, ↓34.7%;
- Poland RM223.3 juta, ↓37.5%;
- Republik Czech RM192.9 juta, ↓41.1%;
- Hungary RM130.6 juta, ↓32.6%; dan
- Sweden RM116.0 juta, ↓16.5%.

Eksport ke pasaran utama EU yang merekodkan pertumbuhan adalah **Belanda**, yang naik sebanyak RM172.5 juta disumbang oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E, **Belgium** (↑RM30.9 juta, barang besi dan keluli) dan **Sepanyol** (↑RM178.6 juta, barang perkilangan berasaskan minyak sawit).

Berbanding Julai 2023, perdagangan, eksport dan import masing-masing menokok 3.9%, 6.4% dan 1.1%.

Pada Januari hingga Ogos 2023, perdagangan dengan EU turun sebanyak 3.8% kepada RM136.12 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport menyusut 10.2% kepada RM74.6 bilion berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit serta keluaran getah manakala permintaan yang lebih tinggi telah direkodkan bagi barang optik dan saintifik, barang makanan diproses serta barang kertas dan palpa. Import dari EU naik 5.2% kepada RM61.53 bilion.

#### ***Jepun – Perdagangan dan Eksport Rekod Pertumbuhan Bulan ke Bulan***

Pada Ogos 2023, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 5.9% atau RM12.62 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia jatuh 25.7% tahun ke tahun. Eksport menurun sebanyak 19.3% kepada RM7.43 bilion berikutan eksport yang rendah bagi LNG, keluaran petroleum serta barang E&E. Walau bagaimanapun, penurunan ini

telah diimbangi oleh eksport yang kukuh bagi petroleum mentah serta barang perkilangan logam. Import dari Jepun mengurang 33.2% kepada RM5.19 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport masing-masing mengembang sebanyak 11.4% dan 28.1% manakala import menguncup 6.2%.

Pada lapan bulan pertama tahun 2023, perdagangan dengan Jepun turun 12% kepada RM104.04 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Eksport menyusut 10.1% kepada RM56.93 bilion disebabkan oleh eksport yang perlahan bagi LNG serta keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, kenaikan telah direkodkan bagi eksport petroleum mentah serta barang optik dan saintifik. Import dari Jepun menyusut 14.2% kepada RM47.11 bilion.

### ***Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA***

Pada Ogos 2023, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 67.5% atau RM143.71 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia menurun sebanyak 17.7% tahun ke tahun. Eksport ke rakan dagang FTA menguncup 18.6% kepada RM79.47 bilion dan import mengurang sebanyak 16.6% kepada RM64.24 bilion.

Dari segi pasaran, peningkatan eksport telah direkodkan ke **Australia**, sebanyak 12.6% kepada RM4.29 bilion disokong oleh eksport yang kukuh bagi keluaran petroleum. Di samping itu, eksport ke **Turkiye** mengembang 24.1% kepada RM1.83 bilion dipacu oleh kenaikan eksport barang besi dan keluli.

Berbanding Julai 2023, import naik 0.1% manakala perdagangan dan eksport masing-masing menguncup 1.7% dan 3.1%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada lapan bulan pertama tahun 2023 turun sebanyak 7.8% kepada RM1.162 trillion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Eksport jatuh 5.9% kepada RM654.89 bilion dan import menurun sebanyak 10.1% kepada RM507.31 bilion.

### **Prestasi Import**

Jumlah import pada Ogos 2023 menyusut 21.2% tahun ke tahun kepada RM97.85 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 72.3% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM51.45 bilion atau 52.6% daripada jumlah import, menyusut 22.6% tahun ke tahun, berikutan penurunan import bahan api dan pelincir diproses;
- **Barangan modal**, bernilai RM10.71 bilion atau 10.9% daripada jumlah import, mengembang sebanyak 5.4%, disebabkan oleh kenaikan import barang modal bukan kelengkapan pengangkutan; dan
- **Barangan penggunaan**, bernilai RM8.53 bilion atau 8.7% daripada jumlah import, menguncup 5.4%, dipacu oleh pengurangan import barang tidak tahan lama.

Pada tempoh Januari hingga Ogos 2023, import menurun sebanyak 8.6% kepada RM782.29 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2022. Import barangan pengantara menguncup 15.6% kepada RM399.42 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas, barangan modal ( $\uparrow 1.2\%$  kepada RM78.17 bilion) dan barangan penggunaan ( $\downarrow 1.3\%$  kepada RM67.02 bilion).

## # Nota:

- Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.
- Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada Rabu, 27 September 2023 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).
- Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- Data bulan Ogos 2023 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.
- Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.
- 22 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR, Hong Kong SAR, Kanada, Mexico dan Peru.
- Mulai bulan rujukan Februari 2020, United Kingdom tidak lagi menjadi ahli Kesatuan Eropah (EU).
- Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barang). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunakan pada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersesuaian.
- Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

**JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

| <u>Tahun/<br/>Tempoh</u>         | <u>Jumlah<br/>Eksport<br/>(RM Juta)</u> | <u>Jumlah<br/>Import<br/>(RM Juta)</u> | <u>Imbalan<br/>Perdagangan<br/>(RM Juta)</u> | <u>Jumlah<br/>Perdagangan<br/>(RM Juta)</u> |
|----------------------------------|---|--|--|---|
| <b>2022<sup>f</sup></b>          |   |  |  |   |
| Januari                          | 111,060.0                               | 92,822.5                               | 18,237.5                                     | 203,882.5                                   |
| Februari                         | 101,741.7                               | 82,589.3                               | 19,152.5                                     | 184,331.0                                   |
| Mac                              | 131,488.1                               | 105,244.1                              | 26,244.0                                     | 236,732.2                                   |
| April                            | 127,482.9                               | 104,107.5                              | 23,375.4                                     | 231,590.3                                   |
| Mei                              | 120,589.6                               | 107,791.3                              | 12,798.3                                     | 228,381.0                                   |
| Jun                              | 144,275.5                               | 121,093.5                              | 23,182.0                                     | 265,369.0                                   |
| Julai                            | 134,325.5                               | 118,486.7                              | 15,838.8                                     | 252,812.3                                   |
| <b>Ogos</b>                      | <b>141,518.9</b>                        | <b>124,231.3</b>                       | <b>17,287.5</b>                              | <b>265,750.2</b>                            |
| September                        | 144,249.6                               | 112,410.4                              | 31,839.2                                     | 256,660.0                                   |
| Oktober                          | 131,977.2                               | 113,518.1                              | 18,459.1                                     | 245,495.4                                   |
| November                         | 129,693.9                               | 107,890.4                              | 21,803.5                                     | 237,584.3                                   |
| Disember                         | 131,606.3                               | 103,626.2                              | 27,980.0                                     | 235,232.5                                   |
| 2022 (Jan-Dis) <sup>f</sup>      | 1,550,009.3                             | 1,293,811.4                            | 256,197.9                                    | 2,843,820.7                                 |
| <b>2023<sup>p</sup></b>          |   |  |  |   |
| Januari                          | 112,655.3                               | 94,524.7                               | 18,130.5                                     | 207,180.0                                   |
| Februari                         | 112,268.5                               | 92,699.9                               | 19,568.6                                     | 204,968.4                                   |
| Mac                              | 129,668.2                               | 102,979.8                              | 26,688.5                                     | 232,648.0                                   |
| April                            | 105,192.9                               | 92,566.7                               | 12,626.2                                     | 197,759.6                                   |
| Mei                              | 119,510.3                               | 103,812.0                              | 15,698.3                                     | 223,322.3                                   |
| Jun                              | 123,951.7                               | 98,403.1                               | 25,548.7                                     | 222,354.8                                   |
| Julai                            | 116,811.0                               | 99,456.2                               | 17,354.8                                     | 216,267.2                                   |
| <b>Ogos</b>                      | <b>115,158.7</b>                        | <b>97,850.1</b>                        | <b>17,308.6</b>                              | <b>213,008.8</b>                            |
| <i>Perubahan m-o-m (%)</i>       | <b>-1.4</b>                             | <b>-1.6</b>                            | <b>-0.3</b>                                  | <b>-1.5</b>                                 |
| <i>Perubahan y-o-y (%)</i>       | <b>-18.6</b>                            | <b>-21.2</b>                           | <b>0.1</b>                                   | <b>-19.8</b>                                |
| Jan-Ogos 2022 <sup>f</sup>       | 1,012,482.2                             | 856,366.2                              | 156,116.0                                    | 1,868,848.5                                 |
| <b>Jan-Ogos 2023<sup>p</sup></b> | <b>935,216.7</b>                        | <b>782,292.5</b>                       | <b>152,924.2</b>                             | <b>1,717,509.3</b>                          |
| <i>Perubahan y-o-y (%)</i>       | <b>-7.6</b>                             | <b>-8.6</b>                            | <b>-2.0</b>                                  | <b>-8.1</b>                                 |

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (OGOS)**

| Barangan  | Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jul<br>2023 <sup>p</sup> | Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan<br>m-o-m | Perubahan<br>y-o-y |
|---|---------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------|--------------------|
|   | RM Juta                   | RM Juta                  | RM Juta                   | %                  | %                  |
| <b>Jumlah Eksport</b>                                     | <b>115,158.7</b>          | <b>116,811.0</b>         | <b>141,518.9</b>          | <b>-1.4</b>        | <b>-18.6</b>       |
| Barangan E&E  | 43,384.7                  | 50,464.0                 | 51,195.6                  | -14.0              | -15.3              |
| Keluaran Petroleum  | 12,439.3                  | 9,643.5                  | 20,250.1                  | 29.0               | -38.6              |
| Kimia & Bahan Kimia                                       | 5,991.6                   | 5,826.7                  | 6,661.1                   | 2.8                | -10.0              |
| Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit | 5,561.6                   | 5,581.2                  | 8,163.2                   | -0.4               | -31.9              |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan                          | 5,056.2                   | 4,237.2                  | 5,612.4                   | 19.3               | -9.9               |
| LNG   | 4,689.9                   | 3,760.0                  | 6,335.8                   | 24.7               | -26.0              |
| Barangan Perkilangan Logam                                | 4,598.9                   | 4,816.7                  | 5,057.7                   | -4.5               | -9.1               |
| Barangan Optik & Saintifik                                | 4,353.9                   | 4,889.2                  | 5,011.0                   | -10.9              | -13.1              |
| Barangan Besi & Keluli                                    | 2,863.7                   | 2,645.9                  | 2,912.0                   | 8.2                | -1.7               |
| Barangan Makanan Diproses                                 | 2,605.8                   | 2,464.6                  | 2,488.4                   | 5.7                | 4.7                |

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (OGOS)**

| Pasaran               | Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jul<br>2023 <sup>p</sup> | Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan<br>m-o-m | Perubahan<br>y-o-y |
|-----------------------|---------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------|--------------------|
|                       | RM Juta                   | RM Juta                  | RM Juta                   | %                  | %                  |
| <b>Jumlah Eksport</b> | <b>115,158.7</b>          | <b>116,811.0</b>         | <b>141,518.9</b>          | <b>-1.4</b>        | <b>-18.6</b>       |
| Singapura             | 16,806.5                  | 17,825.4                 | 20,832.6                  | -5.7               | -19.3              |
| China                 | 14,718.9                  | 16,801.6                 | 18,467.8                  | -12.4              | -20.3              |
| AS                    | 13,516.1                  | 13,586.8                 | 14,971.8                  | -0.5               | -9.7               |
| Jepun                 | 7,428.0                   | 5,798.4                  | 9,210.0                   | 28.1               | -19.3              |
| Hong Kong SAR         | 6,289.9                   | 8,091.1                  | 9,443.9                   | -22.3              | -33.4              |
| ROK                   | 5,018.5                   | 4,395.4                  | 5,245.0                   | 14.2               | -4.3               |
| Thailand              | 4,527.3                   | 5,052.7                  | 5,825.6                   | -10.4              | -22.3              |
| Viet Nam              | 4,348.3                   | 4,348.1                  | 3,522.6                   | 0.004              | 23.4               |
| Australia             | 4,293.7                   | 3,890.3                  | 3,814.2                   | 10.4               | 12.6               |
| Indonesia             | 3,996.9                   | 4,138.2                  | 6,694.1                   | -3.4               | -40.3              |

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-OGOS)**

| Barangan  | Jan-Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jan-Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan   |
|---|-------------------------------|-------------------------------|-------------|
|   | RM Juta                       | RM Juta                       | %           |
| <b>Jumlah Eksport</b>                                     | <b>935,216.7</b>              | <b>1,012,482.2</b>            | <b>-7.6</b> |
| Barangan E&E  | 380,685.0                     | 380,125.6                     | 0.1         |
| Keluaran Petroleum  | 96,500.4                      | 101,772.0                     | -5.2        |
| Kimia & Bahan Kimia                                       | 46,964.6                      | 53,070.9                      | -11.5       |
| Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit | 45,384.9                      | 65,886.5                      | -31.1       |
| LNG   | 38,965.1                      | 41,401.9                      | -5.9        |
| Barangan Perkilangan Logam                                | 37,578.7                      | 44,802.5                      | -16.1       |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan                          | 36,460.7                      | 40,009.3                      | -8.9        |
| Barangan Optik & Saintifik                                | 35,563.9                      | 36,196.5                      | -1.7        |
| Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit              | 20,848.6                      | 28,940.6                      | -28.0       |
| Barangan Besi & Keluli                                    | 20,126.9                      | 23,227.1                      | -13.3       |

**JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-OGOS)**

| Pasaran               | Jan-Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jan-Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan   |
|-----------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------|
|                       | RM Juta                       | RM Juta                       | %           |
| <b>Jumlah Eksport</b> | <b>935,216.7</b>              | <b>1,012,482.2</b>            | <b>-7.6</b> |
| Singapura             | 149,110.5                     | 149,221.0                     | -0.1        |
| China                 | 123,604.1                     | 135,302.8                     | -8.6        |
| AS                    | 104,664.8                     | 107,555.9                     | -2.7        |
| Hong Kong SAR         | 58,327.7                      | 61,423.0                      | -5.0        |
| Jepun                 | 56,932.4                      | 63,310.9                      | -10.1       |
| Thailand              | 39,573.0                      | 44,968.2                      | -12.0       |
| ROK                   | 37,047.4                      | 35,288.2                      | 5.0         |
| Australia             | 33,669.2                      | 29,587.4                      | 13.8        |
| Indonesia             | 33,151.4                      | 36,292.3                      | -8.7        |
| Viet Nam              | 31,093.4                      | 35,289.1                      | -11.9       |

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (OGOS)**

| Barangan                         | Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jul<br>2023 <sup>p</sup> | Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan<br>m-o-m | Perubahan<br>y-o-y |
|----------------------------------|---------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------|--------------------|
|                                  | RM Juta                   | RM Juta                  | RM Juta                   | %                  | %                  |
| <b>Jumlah Import</b>             | <b>97,850.1</b>           | <b>99,456.2</b>          | <b>124,231.3</b>          | <b>-1.6</b>        | <b>-21.2</b>       |
| Barangan E&E                     | 29,639.1                  | 28,274.6                 | 34,712.8                  | 4.8                | -14.6              |
| Keluaran Petroleum               | 10,257.0                  | 10,828.4                 | 20,178.8                  | -5.3               | -49.2              |
| Kimia & Bahan Kimia              | 8,260.8                   | 8,644.0                  | 10,321.4                  | -4.4               | -20.0              |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan | 7,837.5                   | 7,743.8                  | 7,912.2                   | 1.2                | -0.9               |
| Barangan Perkilangan Logam       | 5,299.6                   | 5,224.9                  | 5,083.2                   | 1.4                | 4.3                |
| Kelengkapan Pengangkutan         | 4,471.8                   | 4,660.6                  | 4,635.1                   | -4.1               | -3.5               |
| Petroleum Mentah                 | 4,384.2                   | 4,932.2                  | 6,548.8                   | -11.1              | -33.1              |
| Barangan Optik & Saintifik       | 2,466.4                   | 2,821.1                  | 2,542.2                   | -12.6              | -3.0               |
| Barangan Makanan Diproses        | 2,421.6                   | 2,443.3                  | 2,701.9                   | -0.9               | -10.4              |
| Barangan Besi & Keluli           | 2,371.0                   | 2,706.9                  | 2,891.0                   | -12.4              | -18.0              |

**JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT (OGOS)**

| Sumber               | Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jul<br>2023 <sup>p</sup> | Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan<br>m-o-m | Perubahan<br>y-o-y |
|----------------------|---------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------|--------------------|
|                      | RM Juta                   | RM Juta                  | RM Juta                   | %                  | %                  |
| <b>Jumlah Import</b> | <b>97,850.1</b>           | <b>99,456.2</b>          | <b>124,231.3</b>          | <b>-1.6</b>        | <b>-21.2</b>       |
| China                | 20,935.4                  | 20,369.7                 | 25,366.3                  | 2.8                | -17.5              |
| Singapura            | 12,571.8                  | 13,325.6                 | 12,544.6                  | -5.7               | 0.2                |
| AS                   | 7,161.7                   | 7,672.1                  | 9,558.1                   | -6.7               | -25.1              |
| Taiwan               | 7,088.2                   | 5,978.8                  | 11,860.2                  | 18.6               | -40.2              |
| Jepun                | 5,188.6                   | 5,530.0                  | 7,762.9                   | -6.2               | -33.2              |
| Indonesia            | 4,947.6                   | 4,947.1                  | 6,650.1                   | 0.01               | -25.6              |
| Thailand             | 4,584.9                   | 4,471.4                  | 4,980.2                   | 2.5                | -7.9               |
| ROK                  | 4,228.3                   | 3,985.0                  | 6,043.5                   | 6.1                | -30.0              |
| Arab Saudi           | 3,262.2                   | 3,700.0                  | 5,215.1                   | -11.8              | -37.4              |
| Jerman               | 2,819.8                   | 2,984.3                  | 2,586.4                   | -5.5               | 9.0                |

**JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-OGOS)**

| Barangan                         | Jan-Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jan-Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan   |
|----------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------|
|                                  | RM Juta                       | RM Juta                       | %           |
| <b>Jumlah Import</b>             | <b>782,292.5</b>              | <b>856,366.2</b>              | <b>-8.6</b> |
| Barangan E&E                     | 227,355.9                     | 257,620.6                     | -11.7       |
| Keluaran Petroleum               | 89,112.6                      | 98,928.0                      | -9.9        |
| Kimia & Bahan Kimia              | 69,381.4                      | 79,018.7                      | -12.2       |
| Jentera, Kelengkapan & Peralatan | 56,933.0                      | 57,061.0                      | -0.2        |
| Barangan Perkilangan Logam       | 42,066.5                      | 42,542.5                      | -1.1        |
| Petroleum Mentah                 | 40,039.2                      | 31,052.7                      | 28.9        |
| Kelengkapan Pengangkutan         | 35,003.9                      | 31,588.8                      | 10.8        |
| Barangan Besi & Keluli           | 20,539.0                      | 24,173.4                      | -15.0       |
| Barangan Optik & Saintifik       | 19,770.1                      | 19,596.0                      | 0.9         |
| Barangan Makanan Diproses        | 18,574.2                      | 19,412.5                      | -4.3        |

**JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-OGOS)**

| Sumber               | Jan-Ogos<br>2023 <sup>p</sup> | Jan-Ogos<br>2022 <sup>f</sup> | Perubahan   |
|----------------------|-------------------------------|-------------------------------|-------------|
|                      | RM Juta                       | RM Juta                       | %           |
| <b>Jumlah Import</b> | <b>782,292.5</b>              | <b>856,366.2</b>              | <b>-8.6</b> |
| China                | 164,902.0                     | 180,570.6                     | -8.7        |
| Singapura            | 92,671.5                      | 91,526.0                      | 1.3         |
| AS                   | 55,622.6                      | 64,490.9                      | -13.8       |
| Taiwan               | 55,079.2                      | 69,356.0                      | -20.6       |
| Jepun                | 47,109.8                      | 54,901.8                      | -14.2       |
| Indonesia            | 40,002.0                      | 50,285.0                      | -20.4       |
| Thailand             | 35,568.3                      | 38,004.6                      | -6.4        |
| ROK                  | 34,711.6                      | 39,872.9                      | -12.9       |
| Arab Saudi           | 29,228.2                      | 22,110.4                      | 32.2        |
| Australia            | 23,195.9                      | 25,008.8                      | -7.2        |

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f - data muktamad

p – data provisional

## CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2017 – OGOS 2023<sup>#</sup>

